

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 SEPTEMBER 2016

PPBM tiada wawasan perjuangan

UM-18/9/2016

BAGAN SERAI 17 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu berterus-terang kepada bakal ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bahawa parti itu tidak mempunyai wawasan apatah lagi visi perjuangan, melainkan hanya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, bakal ahli parti berkenaan juga perlu sedar bahawa mereka hanya dipergunakan sebagai batu loncatan, malah 'digula-gulakan' untuk memegang jawatan di peringkat cawangan, bahagian dan Ahli Majlis Tertinggi PPBM.

"Katakanlah Najib tidak lagi menjadi Perdana Menteri, apa yang akan terjadi kepada orang yang telah berpatah arang dengan UMNO serta digula-gulakan untuk masuk PPBM dan kemu-

dian ditinggalkan begitu sahaja.

"Oleh itu, saya merasakan mereka (Tun Mahathir dan Muhyiddin) harus berterus-terang bahawa perjuangan mereka hanyalah bersifat peribadi untuk melihat Najib turun sebagai Perdana Menteri, tidak lebih daripada itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Serentak Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Larut di Bukit Merah Laketown Resort di sini hari ini.

Hadir sama Ketua UMNO Bahagian Larut, Faizul Arby Mohd. Shohor.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan media yang memetik Muhyiddin selaku Presiden PPBM, sebagai menyokong pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim serta berikrar untuk menjadikannya suatu agenda perjuangan parti

tersebut.

Bagaimanapun, Tun Mahathir yang merupakan Pengerusi PPBM merasakan belum tibanya untuk membincangkan perjuangan membebaskan Anwar.

Dalam pada itu, Abdul Rahman merasakan rakyat sudah muak dengan taktik yang digunakan oleh kedua-dua pemimpin PPBM itu, sebaliknya mereka mahu melihat UMNO terus kuat dan memenangi pilihan raya umum akan datang.

Menurut beliau, kepemimpinan Najib di mata umum kini dilihat masih berfungsi, berkesan serta mempunyai wawasan.

"Kita tidak mahu isu 1MDB yang dimanipulasi oleh pembangkang menjadi penghalang kepada visi UMNO dan Barisan Nasional (BN) untuk membangunkan negara dalam jangka masa panjang," katanya.